

## UNDI KITA TIDAK RAHSIA: SPR MENIPU

oleh Cikgu Komando

Rashid Haprak ini lantaran keceluparan mulutnya berbicara dengan suara ala-ala sesumpah diklonkan dengan itik serati dihempap dacing berkarat telah mendedahkan kegiatan-kegiatan curang SPR berkomplot dengan BN selama ini. Walaupun kita barisan alternative dah laamaaa daahh tahu namun pendedahan sebegini jelas, terang benderang, bak lampu spotlight dipasang waktu siang tidak menyangka badigol ini seberani ini menyatakan pertalian eratnya SPR dengan BN dalam ruangan akhbar perdana 21 Mac 2004.

**Apa sebenarnya tujuan nombor siri itu?**  
Pengundi tidak harus bimbang kerana undi tetap rahsia. Tujuan nombor siri itu hanya bertujuan kalau ada orang bawa SPR ke mahkamah yang memerlukan SPR periksa kertas itu.  
Jadi mahkamah saja yang boleh mengarahkan peti itu dibuka di hadapan hakim. Misalnya, ada orang datang mengatakan, "saya tidak dibenarkan mengundi", tetapi rekod kita menunjukkan dia mengundi. Jadi bagaimana hendak buktikan dia mengundi? Buka peti undi cari nombor sirinya padankan kertas undi dengan kaki, kita tahu dia sudah mengundi.  
Nombor siri ini ialah, nombor siri kertas undi dan satu lagi nombor siri pengundi dalam senarai. Yang ditulis ialah nombor siri pengundi dalam senarai, bukan dalam kertas undi. Nombor siri kertas undi tak boleh diusik, kita tulis atas kaki kertas undi, bagi memastikan pengundi sudah diberikan kertas undi.

Jangan nak kelentonglah dengan menggunakan nama hakim..err sapa nama hakim tempat korang nak buka peti undi tu..Augustus Paula Abdul kaa? Sekali lagi kita dipermainkan dengan momokan undi kita adalah rahsia...Lagi satu kenapa ramai pulak yang tak boleh mengundi di Selangor, area Gombak dan sebagainya...adakah ini bermakna selepas ini ada tangan-tangan akan mencari peluang membuka peti undi dan mengubah keputusan kiraan?? Maklumlah orang yang tak patut mengundi pun boleh jugak berpura-pura buat aduan...

**Jadi ini bermakna yang diperiksa ialah kaki kertas undi dan cebisan yang dipangkah?**  
Memang betul. Ia dipadankan semula dan dilihat senarai itu berapa nombor siri.. siapa orangnya. Ini hanya berlaku dalam mahkamah. Perkara seperti ini tidak pernah berlaku, tetapi buka peti undi pernah berlaku kerana orang tidak yakin dengan pengiraan dan minta dikira semula dan pernah ada kes.. hakim suruh dikira semula dalam mahkamah. Tetapi ini tidak berkaitan dengan orang yang dakwa mengatakan dia disekat daripada mengundi atau dia kata bukan dia mengundi tetapi orang lain mengundi yang juga memungkinkan dibuka semula peti undi.  
Ini adalah untuk kepentingan pengundi. Tak ada siapa boleh tahu (siapa undi siapa) kerana orang lain simpan benda lain.

Jelas perkara seperti ini tidak pernah berlaku makanya kenapa perlku diadakan selepas berpuluh-puluh tahun rakyat mengundi..tengok ayat yang si bahalol ni guna..berbelit-belit.."tetapi ini tidak berkaitan dengan orang yang dakwa mengatakan dia disekat daripada mengundi..." yang paragraph atas tu cakap lain pulak??? Lihat ayat dia betul-betul yang last sekali... tak ada siapa boleh tahu siapa undi

siapa...okeh..pegang ayat tu sat...sementara kita rujuk kat bawah ni pulak...

**Tetapi pada peringkat saluran boleh tahu kawasan itu undi siapa?**

Itu lain, tetapi bukan individu. Yang penting ialah kerahsiaan individu. Kalau misalnya satu peti undi itu tergolong daripada orang satu kampung, trendnya kita tahu orang kampung itu penyokong siapa. Tetapi bukan individu. Katalah ada sepuluh pembangkang dalam kampung yang ada 50 orang. Orang tertanya-tanya siapa yang undi pembangkang, kita tak tahu siapa mereka, tetapi kita tahulah di kampung berkenaan lebih ramai menyokong parti kerajaan. Mungkin di kampung lain ada yang memihak kepada pembangkang. Tetapi secara individu kita tak tahu.

Apa pulak kerahsiaan individu dengan kerahsiaan kampung, kerahsiaan Bandar, kerahsiaan negeri ada bezakah? Yang penting undi rakyat tak boleh didedahkan. Tengok gaya ayat yang dia gunakan ..nampak gayanya selama ini maklumat rakyat mengundi terdedah kepada Barisan Periklis Nasional ini. Inilah yang menjadi modal ugutan dalam modus operandi mengundi. Kenapa perlu beliau sebagai Pengerusi SPR mengulas bagaikan seorang pemimpin UMNO...?

**Bagaimanapun pada peringkat saluran ini, mungkinkah ia akan menjejaskan penduduk kampung itu sendiri?**

Tak ada. Sistem ini sudah berjalan lama, nampaknya tidak beri kesan. Kesan baik ada, yang mana kalau parti yang memerintah tahu bahawa orang kawasan itu tidak sebulu dengan dia, apa yang saya tahu ada juga mereka pergi didik orang kawasan itu supaya sebulu dengan dia dengan cara melihat kesusahan mereka. Orang marah pada kita mungkin kerana sebelum ini kita tak pedulikan mereka. Kalau kita pergi dan beri projek di kampung mereka, mereka dapat cari makan dengan senang, jadi mungkin keadaan berubah. Ada baiknya sistem ini. Buruknya saya tidak nampak. Saya belum nampak ada pihak yang membalas dendam kononnya kampung

Tampaknya tidak memberi kesan...? Sudah berjalan lama...? Kesan baik (baik??) ada...? Kenapa banyak guna perkataan kita...adakah anda bengong wahai Pengerusi SPR..sedarkah anda bahawa anda harus berkecuali sebagai Suruhanjaya Pilihanraya?? Tak nampak langsung sikap professional?? Buruknya saya tidak nampak? Awak bercakap atas dasar sebagai pemimpin UMNO ke sesumpah kering??

**Jadi ini bermakna ia satu peluang kepada calon untuk membaiki keadaan?**

Ya untuk membaiki keadaan. Orang tak sokong mungkin ada sebab. Ada baiknya dia belajar dari situ dan menjalankan pendidikan dengan cara dia ataupun 'berubat'.

**Bagaimana pula dengan mereka yang sudah mendaftar tetapi atas alasan sendiri tidak mahu mengundi?**

Ini tindakan yang tidak bijak. Jangan biarkan perasaan sebegini menguasai diri kita. Kalau kita buat begitu bermakna kita tak pentingkan diri kita, masyarakat kita, negara kita. Orang ini keliru. Orang yang fikirannya tak tentu hala. Gunakan peluang sekali dalam lima tahun ini. Tunaikan tanggungjawab.

Nampaknya pengerusi SPR ini amat berbakat sebagai Penasihat UMNO dan Barisan Paria Nasional..silalah berhenti menjadi Pengerusi..dan ingatlah Rashid..jangan syok sendirilah...UMNO akan gunakan engkau sampai satu waktu mereka jugak yang akan tendang engkau macam bangkai sesumpah mati kena hempap daging!!